



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***RESPON MURID TERHADAP AKTIVITI KEMAHIRAN MENDENGAR
BAHASA ARAB DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH AGAMA,
KUALA LUMPUR, MALAYSIA***

NUR 'ASHIKIN BINTI KAMARUDDIN

FBMK 2017 53



**RESPON MURID TERHADAP AKTIVITI KEMAHIRAN MENDENGAR
BAHASA ARAB DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH AGAMA, KUALA
LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

NUR `ASHIKIN BINTI KAMARUDDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

November 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**RESPON MURID TERHADAP AKTIVITI KEMAHIRAN MENDENGAR
BAHASA ARAB DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH AGAMA, KUALA
LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

NUR `ASHIKIN BINTI KAMARUDDIN

November 2016

Pengerusi : Che Radiah Bt. Mezah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Mendengar merupakan satu kemahiran berbahasa paling penting dan terawal wajib dikuasai oleh murid pada peringkat permulaan pembelajaran. Namun, dalam konteks pembelajaran di dalam bilik darjah, kepentingan kemahiran ini kurang diberi penekanan yang sewajarnya oleh para pendidik dan murid kurang memberi respon terutamanya dalam pembelajaran melibatkan aktiviti bagi kemahiran ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti respon murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar yang dijalankan sewaktu pembelajaran Bahasa Arab, mengenalpasti jenis-jenis aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai dan menarik dalam pembelajaran murid dan kesan aktiviti kemahiran tersebut terhadap pemahaman mereka semasa proses pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan 19 orang murid tahun enam dari salah sebuah Sekolah Rendah Agama (SRA) di bandar Kuala Lumpur. Aktiviti kemahiran mendengar yang dilaksanakan ini merangkumi dua tahap; iaitu tahap perkataan (*word level*) dan tahap ayat (*sentence level*) bersesuaian dengan sukatan pelajaran bahasa Arab tahun 6. Data diperolehi melalui tiga (3) kaedah; iaitu pemerhatian berstruktur, temubual dengan murid dan guru dan analisis dokumen daripada hasil penilaian lembaran kerja murid. Hasil kajian membuktikan bahawa respon murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar adalah positif dan sangat memberangsangkan. Ini dibuktikan melalui hasil dapatan kajian yang menunjukkan respon positif murid itu ditonjolkan melalui perasaan, sikap dan tingkahlaku serta kefahaman mereka terhadap aktiviti kemahiran mendengar yang dijalankan oleh guru di dalam kelas. Manakala aktiviti yang sesuai dan digemari oleh murid ialah aktiviti yang berbentuk psikomotor, mencabar minda, menguji IQ dan menggunakan gambar. Melalui hasil kajian ini, aktiviti yang dijalankan dapat memberi kesan terhadap kefahaman murid dari segi penguasaan perkataan, dapat mengingat dengan mudah dan cepat. Kajian yang dijalankan ini telah dapat membuktikan akan kepentingan aktiviti kemahiran mendengar terhadap murid

sekolah rendah dapat mengubah respon murid daripada pasif kepada aktif dan dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap tajuk yang diajar dengan lebih baik.

Kata kunci: kemahiran mendengar, respon murid, aktiviti kemahiran mendengar bahasa Arab



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

**RESPONSE TO STUDENTS LISTENING SKILLS ACTIVITIES ARABIC
PRIMARY SCHOOL, KUALA LUMPUR**

By

NUR `ASHIKIN BINTI KAMARUDDIN

November 2016

Chairman : Che Radiah Bt. Mezah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Listening is the most important language skill which should be mastered by students at the early stage of learning. However the skill is not given priority by the teachers and student are not giving good responses towards listening activities. Thus the objective of this research is to identify student`s responses towards listening activities during Arabic lessons, to identify suitable and interesting listening activities and to find the effectiveness of the activities and promoting the understanding of Arabic lessons. This research is a qualitative which involves 19 year six students from one of the religion`s school in Kuala Lumpur. There were two level of the listening activities – those were word level and sentences level suitable with the year six Arabic syllabus. The data was collected through three methods, structured observation, interview and document anaylsis of students work. The finding showed that positive response of towards listening activities and the response was encouraging. The positive responces were shown through emotion, behavior and action as well as their understand of the activities carried out by the teacher in classroom. The suitable and most liked activities were psikomotor activities , test the IQ and using the pictures. From the research, the activities given an impact on the study understanding of in terms of vocabulary, able to remember easily and fast. The research proved that the important of listening activities which help to passive and improve their understanding on the topic taught. Keywords: listening, student response, Arabic listening skills activities

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya saya dapat menyempunakan program pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan jayanya. Ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia tesis Dr. Che Raziah binti Mezah kerana banyak memberi bimbingan, panduan dan tunjuk ajar yang begitu berguna dan penuh sabar dalam penyediaan penulisan tesis ini dari peringkat permulaan hingga tamat.

Tidak dilupakan ribuan terima kasih kepada Dr. Nik Farhan binti Mustafa yang turut sama-sama membantu dan membimbing serta sebagai pemudahcara dalam membuat penambahbaikan penulisan tesis ini.

Di samping itu juga, terima kasih kepada warga SRA Aslahiyah, Jalan SanPeng kerana banyak memberi kerjasama terutama sebagai responden dalam kajian ini. Seterusnya ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang membantu dalam memberi idea dan penembahan maklumat serta semangat untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada keluarga yang sentiasa memberi sokongan sejak mula menjalankan kajian sehinggalah selesai penulisan tesis. Kerjasama dan keprihatinan semua pihak secara langsung atau tidak langsung amat dihargai .

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 November 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur `Ashikin binti Kamaruddin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Respon Murid terhadap Aktiviti Kemahiran Mendengar Bahasa Arab di Sebuah Sekolah Rendah Agama, Kuala Lumpur, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zawawi bin Ismail, PhD

Profesor Madya
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 April 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No.: Matrik : Nur `Ashikin binti Kamaruddin, GS30358

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan saya;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr Che Radiah binti Mezah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr Nik Farhan binti Mustapha

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	2
1.4	Tujuan Kajian	3
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Persoalan Kajian	4
1.7	Kepentingan Kajian	4
1.8	Batasan Kajian	5
1.9	Metodologi Kajian	5
1.10	Kesimpulan	6
2	TINJAUAN LITERATUR	7
2.1	Pendahuluan	7
2.2	Isu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab	7
2.3	Konsep Kemahiran Berbahasa : Kemahiran Mendengar	8
2.4	Kepentingan Kemahiran Mendengar Kepada Golongan Kanak-Kanak dan Murid	9
2.5	Proses Kemahiran Mendengar	11
2.6	Pembelajaran Kemahiran Mendengar	12
2.7	Kaedah dan Aktiviti Pembelajaran Kemahiran Mendengar	14
2.8	Jenis-jenis Aktiviti Kemahiran Mendengar	16
2.8.1	Bentuk dan Cadangan Aktiviti Kemahiran Mendengar	17
2.9	Panduan Dan Cadangan Pelaksanaan Pembelajaran Kemahiran Mendengar	21
3	METODOLOGI KAJIAN	24
3.1	Pendahuluan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Lokasi Kajian	26
3.4	Peserta Kajian	27
3.5	Instrumen Kajian	27
3.5.1	Borang Pemerhatian Murid	27
3.5.2	Soalan Temu bual Murid dan Guru	28

3.5.3	Set Lembaran Kerja Murid	28
3.5.4	Perakam video	28
3.6	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	28
3.6.1	Pemerhatian	29
3.6.2	Temubual Murid dan Guru	29
3.6.2.1	Murid	29
3.6.2.2	Guru	29
3.6.3	Analisis Dokumen	30
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	31
3.7.1	Kajian Rintis	31
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	32
3.8.1	Pemerhatian	32
3.8.2	Temubual Murid	33
3.8.3	Temu bual Guru	35
3.9	Aktiviti-aktiviti Kemahiran Mendengar yang Dijalankan Dalam Kajian	35
3.10	Penganalisan Data	39
3.11	Kesimpulan	41
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
4.1	Pendahuluan	42
4.2	Dapatan Respon Murid Terhadap Aktiviti Kemahiran Mendengar Semasa Pembelajaran	43
4.2.1	Analisis berdasarkan pemerhatian di dalam kelas	43
4.2.2	Dapatan bagi Respon Murid Berdasarkan Temubual	49
4.3	Jenis-jenis aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai dan menarik bagi murid	54
4.4	Aktiviti kemahiran mendengar memberi kesan meningkatkan pemahaman murid	60
4.5	Kesimpulan	68
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	69
5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan Dapatan	69
5.2.1	Respon murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar	69
5.2.2	Jenis-jenis aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai dan menarik dalam pembelajaran murid	71
5.2.3	Kesan aktiviti kemahiran mendengar terhadap pemahaman mereka	72
5.2.4	Maklumbalas guru terhadap aktiviti kemahiran mendengar semasa proses pengajaran dan pembelajaran	73
5.3	Cadangan Kajian Seterusnya	73
5.4	Cadangan Penambahbaikan Untuk Aktiviti Kemahiran Mendengar	74
5.5	Penutup	74
	RUJUKAN	76
	LAMPIRAN	80
	BIODATA PELAJAR	87

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Tema Respon Murid	42
2 Aktiviti Pilihan Murid	54
3 Keputusan Analisis Dokumen Penilaian Ringkas	61
4 Hasil Kefahaman dan Ingatan Murid Terhadap Tajuk yang Diajar	63
5 Respon Murid Terhadap Kefahaman Tajuk yang Diajar	64

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Senarai Pemerhatian PdP	80
B Tesis Respon	82
C Surat Kebenaran Sekolah untuk Menjalankan Kajian Daripada Guru Besar Sekolah	83
D Senarai Semak untuk Pemerhatian	85



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain, Bahasa Arab juga mengalami perkembangan globalisasi yang kian pesat. Kaedah-kaedah pengajaran bahasa mula dikaji dan diuji oleh para sarjana bahasa. Kaedah-kaedah pengajaran ini didasari oleh teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang telah dipraktikkan dan diselidiki keberkesannya terhadap pelajar-pelajar bahasa terutama berkaitan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing kepada bukan penutur jati. (Asma dan Maimun, 2011).

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu berkaitan dengan masalah pembelajaran Bahasa Arab secara umumnya sering diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini. Permasalahan ini dibincangkan oleh Mat Taib Pa (2007) tentang dasar umum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia sebagai satu isu yang perlu diberi perhatian kerana masih lagi terdapat masalah yang dihadapi di dalam semua aspek pembelajaran Bahasa Arab seperti kaedah umum pengajaran bahasa, pengajaran unsur bahasa dan pembelajaran kemahiran bahasa walaupun terdapat beberapa usaha telah dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Hal ini dinyatakan juga oleh Khaled (2003) berkaitan realiti pengajaran dan pembelajaran kemahiran komunikasi di sekolah-sekolah di Malaysia. Menurut beliau, berdasarkan situasi yang sebenar di mana kurikulum yang disediakan untuk pengajaran Bahasa Arab tidak mengambil berat tentang unsur-unsur kemahiran berbahasa Arab terutama mendengar dan bertutur. Ini disebabkan kaedah pengajaran Bahasa Arab di Malaysia lebih cenderung kepada kaedah tatabahasa dan terjemahan. Walaupun terdapat beberapa usaha dijalankan untuk mengatasi permasalahan yang timbul, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan murid sekolah masih lagi lemah. Kelemahan mereka lebih ketara berbanding pelajar dan murid yang terdahulu walaupun dalam keadaan sistem pendidikan yang lebih baik. Perkara ini disentuh juga oleh Abdul Halim, (2011) di dalam pembentangan kertas kerja, di antara kata-kata beliau ialah seperti berikut :

“.....sering diperkatakan bahawa amalan pembelajaran di dalam kelas adalah amat pasif dan tidak memenuhi kehendak dan tuntutan pengajaran bahasa sama ada sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Aspek komunikatif iaitu mendengar dan bertutur yang sepatutnya menjadi tunggak dalam pembelajaran bahasa seolah-olah tidak diberi perhatian yang wajar di dalam kelas.....”
(Wacana Pendidikan Islam, 2011)

Bertitik tolak dari persoalan-persoalan yang dilontarkan inilah maka pengkaji merasa perlu untuk membuat satu kajian berkaitan dengan aspek kemahiran berbahasa melibatkan kemahiran komunikatif tetapi lebih memberi fokus kepada kemahiran mendengar. Perkara ini telah menjadi satu masalah yang tidak dapat diselesaikan kerana ramai dalam kalangan pendidik yang tidak menyedari tentang kepentingan kemahiran mendengar ini disebabkan oleh kurang pendedahan berkaitan dengan keperluan kemahiran mendengar kepada murid sekolah sama ada di peringkat rendah atau menengah.

1.3 Permasalahan Kajian

Mendengar adalah satu kemahiran berbahasa awal yang penting dan perlu dipelajari secara intensif terutama semasa murid di sekolah rendah dan menengah. Aktiviti mendengar penting dikuasai kerana penggunaannya yang begitu meluas dalam kehidupan. Berhubung dengan kemahiran mendengar, terdapat beberapa permasalahan yang pengkaji temui, antaranya ialah:

1. Murid kurang memberi respon yang positif dan menjadi pendengar yang pasif sewaktu pembelajaran kemahiran mendengar dijalankan di dalam kelas, (Chew dan Abdul Jalil, 2008)
2. Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar tidak diberi penekanan kerana masih banyak lagi yang menggunakan Kaedah Nahu dan Terjemah dalam pengajaran, ia lebih menekankan kemahiran membaca serta penguasaan nahu bahasa Arab, seterusnya mengabaikan kemahiran mendengar. (Nik Rahimi, 2005)
3. Dalam pengajaran bahasa, aspek pendengaran amat kurang diberi perhatian oleh guru (Ibtisam dan Zamri, 2012)
4. Dalam keempat – empat kemahiran berbahasa, kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid tetapi kemahiran ini kurang diberi tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (Nik Rahimi, 2008)
5. Guru kurang diberi pendedahan tentang kaedah, teknik dan kepelbagaian aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai untuk dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. (Chew dan Abdul Jalil, 2008)
6. Murid kurang diberikan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang mendorong kepada murid bersikap pasif. (Rosni, 2012)

Justeru melihat kepada permasalahan yang berlaku di dalam dunia pendidikan khususnya berkaitan kemahiran mendengar, pengkaji perlu membuat kajian berkaitan dengan pembelajaran kemahiran mendengar di sekolah rendah. Kajian ini penting untuk diketengahkan kerana kemahiran mendengar ini melibatkan fitrah semulajadi perkembangan pembelajaran kanak-kanak dalam menguasai sesuatu bahasa. (C.M Feyten, 1991). Kemahiran mendengar yang berkesan perlu dimiliki oleh murid agar mesej yang diterima dapat difahami, diproses dan dimanfaatkan dengan baik. (Yahya, 2005)

Implikasi daripada kemahiran ini tidak diperolehi secara betul, pelajar tidak berkeyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sesama mereka mahupun dengan guru mereka. Kurang penekanan terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab juga memberi kesan kepada motivasi dalaman pelajar. Fenomena yang berlaku ini saling berkait antara satu sama lain, iaitu antara guru dan murid. Sekiranya guru tidak mempunyai pendedahan dan pengetahuan tentang kemahiran ini maka ianya tidak dilaksanakan dalam pembelajaran di dalam kelas kerana guru tidak kreatif untuk memikirkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan menarik untuk kemahiran mendengar menyebabkan ia tidak dapat menarik perhatian murid dan seterusnya pembelajaran murid menjadi bosan.

Kemahiran mendengar dan bertutur jarang-jarang ditekankan di dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru lebih mementingkan kemahiran menulis dan membaca. Jika kemahiran tersebut diajarkan pun, guru tidak menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai

(Chew & Abd. Jalil, 2008). Situasi seperti ini kerap berlaku di dalam kelas yang mana ia sangat bertentangan dengan cara semulajadi pembelajaran seseorang murid itu. Manakala dalam kajiannya juga melihat bahawa dari segi amalan pembelajaran murid, guru lebih menitikberatkan pengajaran dan latihan pembacaan dan penulisan, pada hal aspek ini tidak begitu banyak dilakukan oleh murid berbanding aspek mendengar dan bertutur.

Disamping itu, murid juga tidak memberi respon yang baik dan menjadi pendengar yang pasif sewaktu pembelajaran kemahiran mendengar. Oleh itu, melihat kepada permasalahan yang berlaku di dalam dunia pendidikan ini pengkaji merasakan satu keperluan untuk menjalankan satu kajian berkaitan dengan pembelajaran kemahiran mendengar ini.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenalpasti respon murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, mengenalpasti jenis aktiviti-aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai dan menarik minat murid serta pengaruh aktiviti tersebut terhadap pemahaman tajuk yang diajar kepada mereka. Di samping itu juga kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru Bahasa Arab tentang kepentingan kemahiran mendengar dan aktiviti-aktiviti yang boleh menjadi panduan untuk dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut :

- a) mengenalpasti respon murid terhadap aktiviti- aktiviti kemahiran mendengar semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas.
- b) mengenalpasti jenis-jenis aktiviti kemahiran mendengar yang sesuai dan menarik dalam pembelajaran murid.
- c) membincang kesan aktiviti kemahiran mendengar terhadap pemahaman mereka semasa proses pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas.

Dalam erti kata yang lain, kajian ini dijalankan untuk mengetahui respon murid semasa pelaksanaan aktiviti kemahiran mendengar yang dicadangkan, mengkaji untuk melihat aktiviti yang sesuai dan menarik bagi mereka serta mengetahui adakah aktiviti kemahiran mendengar ini dapat mempengaruhi pemahaman mereka semasa pembelajaran di dalam kelas.

1.6 Persoalan Kajian

- a) Apakah respon murid terhadap aktiviti-aktiviti kemahiran mendengar yang dijalankan di dalam kelas
- b) Adakah jenis-jenis aktiviti yang dijalankan itu sesuai, menyeronok dan menarik untuk kemahiran mendengar
- c) Bagaimanakah aktiviti kemahiran mendengar yang dijalankan memberi kesan kepada pemahaman murid terhadap pembelajaran di dalam kelas

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai implikasi yang penting bagi aspek pedagogi dan pembelajaran bahasa Arab. Isu-isu ini perlu dikaji kerana pengaruhnya ke atas pembelajaran bahasa ke dua. Antara kepentingan kajian ini ialah :

- a) Hasil kajian boleh memberi idea-idea kepada guru-guru bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) mengenai kepentingan kemahiran mendengar ini dalam pembelajaran bahasa Arab. Ia diharapkan dapat memberi maklumat baru dalam bidang kemahiran bahasa Arab dan pada masa yang sama meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kemahiran ini dalam kalangan guru bahasa Arab serta membantu mereka untuk membuat penambahbaikan untuk pembelajaran yang lebih sempurna.
- b) Membolehkan pihak Bahagian Latihan Guru di Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) menyediakan program intensif kepada guru-guru. Kajian ini juga dapat membantu penulis buku teks dalam merangka aktiviti-aktiviti dan latihan-latihan yang bersesuaian untuk dimuatkan dalam buku teks, khususnya yang berkaitan dengan kemahiran mendengar.
- c) Memberi petunjuk kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) agar dapat merangka beberapa program latihan terutama sewaktu kursus dalam cuti (KDC).

Ringkasnya, dengan usaha yang dijalankan ini, diharapkan kajian ini boleh memberi gambaran yang besar ke atas fenomena ini yang kompleks dan menyumbang kepada perkembangan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada beberapa perkara berikut:

- a) Kajian ini dijalankan untuk mengetahui apakah respon yang diberikan oleh murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar
- b) Kajian ini dijalankan ke atas murid di salah sebuah Sekolah Rendah Agama (SRA) , di Kuala Lumpur. Kajian ini mempunyai saiz sampel yang kecil, melibatkan seramai 19 orang murid tahun 6 sesi 2012 kerana sekolah ini hanya mempunyai satu kelas sahaja untuk tahun enam.
- c) Kajian ini lebih memberi tumpuan kepada murid sekolah rendah kerana mereka berada di peringkat rendah yang lebih perlu kepada pendedahan dan penguasaan kemahiran mendengar ini pada peringkat awal lagi.
- d) Kajian ini memfokus kepada kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa Arab dan respon murid terhadap aktiviti kemahiran ini melalui aktiviti permainan dan latihan untuk dua tahap iaitu tahap perkataan dan tahap ayat ringkas. Ia dibina mengikut sukatan pelajaran bahasa Arab tahun 6.
- e) Kajian ini terhad dari segi masa. Pengkaji hanya akan menjalankan kutipan data dalam tempoh yang terhad iaitu dua bulan sahaja memandangkan murid sekolah terlibat dengan aktiviti persekolahan yang telah ditetapkan dalam takwim sekolah.

1.9 Metodologi Kajian

Matlamat asas penyelidikan ini adalah untuk mendedahkan dan memberi gambaran yang jelas tentang kepentingan sesuatu perkara. Oleh itu, kaedah kajian yang dipilih dalam kajian ini ialah kajian lapangan berbentuk kualitatif. Rekabentuk yang digunakan ialah kajian kes. Ia merupakan satu kajian yang dijalankan ke atas sebuah Sekolah Rendah Agama di Kuala Lumpur. Responden yang terlibat ialah seramai 19 orang murid tahun enam. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan bersifat deskriptif kerana ia merupakan satu pendekatan dan proses yang digunakan untuk memahami dengan mendalam dan menjelaskan sesuatu situasi dalam keadaanya sendiri secara realiti.

Kajian ini cuba mengupas untuk memberi pendedahan tentang respon murid terhadap aktiviti kemahiran mendengar berdasarkan kepada permainan bahasa dan latihan kemahiran mendengar menggunakan dua tahap iaitu tahap perkataan dan tahap ayat. Data diperolehi melalui tiga cara iaitu :

- a) Pemerhatian di dalam kelas
- b) temubual tidak berstruktur bersama murid dan guru
- c) Penilaian ringkas melalui lembaran kerja murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana murid memberi respon terhadap aktiviti kemahiran mendengar yang akan dijalankan di dalam kelas. Di samping itu juga pengkaji ingin mengenal pasti jenis aktiviti yang menjadi kesukaan murid serta pengaruhnya dalam memberi kefahaman yang lebih kepada murid tersebut.



RUJUKAN

- Abdul Halim Naam, (2011). *Pelaksanaan Bahasa Arab Dalam sistem Pendidikan Kebangsaan : Cabaran dan Keberkesanan*. Pembentangan Kertas Kerja: Wacana Pendidikan Islam di USIM
- Ahmad Mohd Saleh (2008), *Pengajian Agama Islam dan j-QAF : Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn . Bhd
- Ahmad Mohd Salleh (2004), *Pendidikan Islam, Falsafah Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Khuli, Mohd Ali (2000), *Asalib Tadris al-`Ammah*, Darr Al-Fallah, Jordan
- Al- Naqah, Mahmud Kamil (1985), *Ta`lim al-Lughah al-Arabiyyah Linnatiqina bi Lughah Ukhra*, Sawdi `Arabia, Jami`ah Ummu al-Qura
- Al-Syaibani, Omar Muhamad al-Toumi (1979), *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, Libya: Al-Mansya'ah al-sya'biyyah lil al- Nasyr wa al-Tauzi' wa I`lan
- Asma Abdul Rahman dan Maimun Aqsha Lubis, (2011). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab untuk Kanak-Kanak Pintar*. Universiti Sains Malaysia.
- Asmah Haji Omar, (2004). *Penyelidikan Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Celce, Marianne (1991). *Teaching English as a Second or Foreign Language* , second edition, University of California, Heinle.
- Chua Yan Piaw, (2006). *Asas Penyelidikan* , Mc Graw Hill Education, Sdn Bhd
- Chew Fong Peng & Abd. Jalil, (2008). *Kajian Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bilik Darjah di Sekolah Menengah: Punca, Masalah dan Kesannya di Malaysia*. (atas talian). Muat turun dari [www.sosiohumanika – jpssk.com](http://www.sosiohumanika-jpssk.com)
- C.M. Feyten ,(1991). *The Power of Listening Ability: An Overlooked Dimension of Language Aquisition* , The Modern Language Journal 75(2)
- Choong Lean Keow (2009). *Murid dan Alam Belajar*, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Christine C.M Goh, (2002). *Teaching Listening in The Language Classroom*, SEAMEO Regional Language Centre , Nan Yang Technological University, Singapore.
- Cresswell J.W (2013) *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* , Thousand Oaks, CA: Sage.

- Hyslop, N. dan Tone, B (1988), *Listening : Are We Teaching it, And If So, How*,
([http : // Iled.gov/database](http://Iled.gov/database))
- Ibn Rahim, (2010). *Permainan Bahasa Kemahiran Menulis*. Muat turun dari Blog :
<http://ibn-rahim.blogspot.com/2010/03/permainan-bahasa-kemahiran-menulis.html>.
- Ibrahim Azzini (1999), *Al-Islam : Manhaj wa Thoriqoh Tadris* , Lubnan, Beirut.
- Ibtisam Bin Abdullah dan Zamri Bin Ahmad (2010), *Pengajaran Kemahiran mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa ke Dua*, Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab (PKEBAR` 12) UKM.
- Imran Ariff Arifin, Rizawat Abd Halim, Faizah Abd Kadir , Khadijah Ibrahim, 2010, *Kajian Pendidikan awal Kanak-kanak di Peringkat Tadika atau Prasekolah*, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UPSI.
- JJ Wilson (2008). *How To Teach Listening*. Pearson Education, Longman, England.
- Joan Morley (1991). *Listening Comprehension in Second Foreign Language Instruction*.
- Kamus Dewan Edisi Satu (2001), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaled Ahmad Bani Omar, (2003). *An-Nur : Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamaruddin Bin Jaafar (2008). *Kaedah Mengajar Bahasa Arab*, Portal Rasmi PPD Kerian
- Kamaruddin Bin Hj Husin, (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)* ,Subang jaya, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Bin Hj Husin, (1999). *Pengajaran Lisan : Kemahiran Mendengar dan Bertutur* ,Subang jaya, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Littlewood, William (1992). *Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif Suatu Pengenalan*, terjemahan Juriah Long, Dewan bahasa dan pustaka, K.Lumpur
- Michele Athur Kelly, (2003). *Language Learning*. Australia
- Mohd Isa Hamzah dan Shahrin Awaluddin, (1999). *Kaedah Pengetahuan Agama Islam*, UKM, bangi
- Mohd Isa Hamzah, (1999). *Kemahiran Pengajaran dan Teori Interaksi*, UKM, Bangi
- Mohd Rosli Ismail dan Mat Taib Pa, 2007, *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab* di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mohamed Fadzil Che Din (2001) *Kajian tinjauan kemahiran mendengar di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Selangor*. (Journal)
- Mohsin Ali A`tiyyah (2008), *Maharat Ittisal al-Lughawi wa Ta`limuha*, Jami`ah Bagdad.
- Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2008), *Motivasi Pembelajaran kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar*, Jurnal UKM. (Jurnal Pendidikan 33) (2008) 3-18.
- Nik Mohd Rahimi Bin Nik Yusof (2005), *Penilaian Kemahiran Mendengar dalam Kurikulum bahasa Arab Komunikasi*, (tesis Phd) UKM.
- Nik Mohd Rahimi , Kamarulzaman, Muafiq (2008), *Fann Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil ghoir Al-Arab*, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Noriati Abd Rashid, Boon Pong Ying, Wong Kiet Wah, (2010). *Murid dan Alam Belajar*, Siri Pendidikan Guru, Kuala Lumpur, Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Penny Ur, (2005). *Teaching Listening Comprehension*. Cambridge Handbooks For Language Teachers, Cambridge University Press.
- Rashid Azizan dan Abdul Razak Habib (1998), Peterson : *Pengajaran Dalam Bilik Darjah : Kaedah dan Strategi*, Masa Interprise, Kajang.
- Rosni Samah (2012), Kertas Kerja : *Isu Pembelajaran bahasa Arab : Persidangan Kebangsaan Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR`12)* UKM.
- Rosni Samah, (2009). *Kesan bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*, Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai ,Negeri Sembilan.
- Rosni Samah, (2009) *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.
- Silberman, Mel (1996), *Active Learning :101 Strategies To Teach Any Subject* Allyn and Bacon : Boston.
- Sharifah Nor Binti Puteh, Aliza Binti Ali (2011), *Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu : ISSN :2180-4842 Vol. 1, Bil. 2 (Nov.2011) :1-5
- Shuhadak Bin Mahmud, (2002), *Rasulullah Pendidik Terulung : 40 Teknik Rasulullah Mengajar*, Terjemahan dan Adaptasi , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Tengku Sarina Aini, Yusmini (2007) *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*, PTS Publishing, Sdn Bhd.

Tu`aymah, Rushdi Ahmad (2004). *Ta`lim al-`Arabiyyah li Ghair al-Nathiqin Biha Manhajuhu wa Asalhuhu*. Rabat : Al-Munazamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-`ulum wa al- Thaqafah (ISISCO).

Underwood, M.(1989), *Teaching Listening*. London: Longman Handbooks for Language Teachers.

Yahya Othman (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu* ,Kuantan : PTS Profesional.

Yahya Bin Othman (2013), *Kemahiran Mendengar*. (atas talian) : <http://yahyaothman.blogspot.com/2013/03/kemahiran-mendengar.html>

Yin, R.K. (1994). *Case Study Research : Design and Methods*. Beverlly Hills, Calif: Sage Publications.

Zarina Ismail (2012) *Buku teks Bahasa Arab, tahun enam*, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

RESPON MURID TERHADAP AKTIVITI KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA ARAB DI
SEBUAH SEKOLAH RENDAH AGAMA, KUALA LUMPUR, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : NUR `ASHIKIN BINTI KAMARUDDIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]